

MAHATHIR - PELABURAN R R R
DARIPADA WAN A.HULAIMI
(I)

LONDON, 22 JULAI (BERNAMA) -- MALAYSIA BERJAYA MEMULIHKAN EKONOMINYA KERANA KERAJAAN TIDAK PANIK ATAU MENURUNKAN NILAI MATAWANGNYA ATAU MUNGKIR DALAM MEMBAYAR HUTANGNYA SEMASA KEMELESETAN EKONOMI, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA EKONOMI MALAYSIA BERTAMBAH BAIK SEJAK AWAL TAHUN INI DAN HARGA-HARGA SAHAM SEMAKIN MENINGKAT DAN JUMLAH JUALAN TELAH BERTAMBAH.

KETIKA BERUCAP KEPADA AHLI-AHLI PERNIAGAAN BRITISH PADA SEMINAR PELABURAN MALAYSIA DI HILTON LONDON, BELIAU BERKATA DIFISIT IMBANGAN PERDAGANGAN MALAYSIA KINI TELAH MENCATATKAN LEBIHAN DAN BARANGAN PEMBUATAN SEMAKIN BANYAK DIEKSPORT.

+PERTUMBUHAN PADA TAHUN 1987 AKAN LEBIH TINGGI DARIPADA YANG DIJANGKAKAN DAN PINJAMAN LUAR NEGERI DIJANGKA BERKURANGAN,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

KATANYA, KEJAYAAN MALAYSIA INI DICAPAI MELALUI LANGKAH-LANGKAH PENYESUAIAN DAN PEMBETULAN, TANPA PANIK ATAU MENUKARKAN DASAR-DASAR ASAS EKONOMI. -- LAGI
2105MST 22 07 87

D733

U B582 AAB
MAHATHIR - PELABURAN 2 LONDON R R R
(I)

+KAMI MENGAMALKAN SIKAP YANG LEBIH TERBUKA. PERBELANJAAN KERAJAAN DIKURANGKAN DAN CUKAI-CUKAI DITURUNKAN,+ KATANYA.

+KEBERKESANAN DIPERBAIKI DAN JIKA BOLEH, KERAJAAN MENSWASTAKAN KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN. PELABUR-PELABUR ASING DIBERI INSENTIF TAMBAHAN DAN DIBERI LAYANAN BAIK, SEPERTIMANA YANG DIBERIKAN KEPADA PARA PELANCONG,+ TAMBAH BELIAU.

MENGENAI HARGA KOMODITI, DATUK SERI DR MAHATHIR MENGAKUI BAHAWA HARGANYA TIDAK AKAN MENCAPAI TAHAP HARGA LAMA, MESKIPUN IA SEDANG MENINGKAT SEMULA.

+MALAYSIA TIDAK BERGANTUNG KEPADA INI,+ KATANYA, +TETAPI AKAN TERUS MEMPELBAGAIKAN USAHA DENGAN MENYERTAI SEKTOR PEMBUATAN -- SATU BIDANG YANG MALAYSIA JUGA TIDAK KURANG BERKEUPAYAAN.

+DALAM MASA BEBERAPA TAHUN, KAMI TELAH MENJADI PENGELUAR UTAMA PENDINGIN UDARA BILIK DAN LITAR BERSEPADU DI DUNIA SELEPAS AMERIKA SYARIKAT DAN JEPUN.+ -- LAGI
2116MST 22 07 87

D743

U B583 AAB
MAHATHIR - PELABURAN 3 LONDON R R R
(I)

SAMBIL MENGGESA PARA PELABUR SUPAYA DATANG KE MALAYSIA, BELIAU BERKATA MEMANG BENAR SYARIKAT-SYARIKAT INI MILIK ASING TETAPI MEREKA TIDAK AKAN BERJAYA DI MALAYSIA TANPA TURUT MENERIMA INPUT DARIPADA RAKYAT MALAYSIA.

+JIKA TIDAK, MEREKA JUGA BOLEH MENJADI BESAR DAN BERJAYA DI NEGARA-NEGARA LAIN,+ KATANYA SAMBIL MENJEMPUT PARA HADIRIN MENGETAHUINYA SENDIRI DENGAN MELABUR DI MALAYSIA.

MENGENAI DASAR +PANDANG KE TIMUR+ YANG MENURUTNYA TELAH MENIMBULKAN KERESAHAN DI KALANGAN NEGARA-NEGARA EROPAH DAN AMERIKA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, IA TIDAK ADA KENA-MENGGENA DENGAN KONTRAK DAN TENDER.

+MEREKA YANG TERBAIK AKAN MENDAPATNYA DAN DI MANA-MANA DI DUNIA JEPUN DAN KOREA (SELATAN) TELAH MENYEDIAKAN BARANGAN DAN PERKHIDMATAN YANG MENARIK.

+MALAH DI ENGLAND, KECUALI ANDA SEORANG BANGSA INGGERIS YANG TULEN, ANDA PASTI SUKAR UNTUK TIDAK MEMBELI BARANGAN JEPUN,+ KATANYA. -- LAGI
2133MST 22 07 87

U B585 AAB
MAHATHIR - PELABURAN 4 LONDON R R R

(I)

MALAYSIA MEMANDANG KE TIMUR KERANA KERAJAAN MAHU MENGETAHUI APAKAH YANG MEMBOLEHKAN JEPUN, KOREA SELATAN DAN TAIWAN DAPAT BERSAING DENGAN BAIK DENGAN NEGARA-NEGARA MAJU DI BARAT, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

+DASAR PANDANG KE TIMUR MEMENTINGKAN TENTANG MEMPELAJARI ETIKA KERJA, KAEDAH PENGURUSAN DAN ORGANISASI-ORGANISASI PERNIAGAAN (MEREKA). ORANG-ORANG INI TERBUKTI BERJAYA...SUDAH TENTU ADA SESUATU YANG MEREKA TELAH LAKUKAN DENGAN BETUL. KAMI INGIN MENGETAHUINYA.+

BELIAU MEMBERITAHU PARA PELABUR BARAT BAHAWA WALAUPUN ADANYA DASAR PANDANG KE TIMUR, MEREKA MASIH MEMPUNYAI KELEBIHAN TERTENTU.

+RAKYAT MALAYSIA BERSIKAP KONSERVATIF,+ KATANYA DAN MENAMBAH KATA, +MEREKA TIDAK MENERIMA PERUBAHAN SECARA SPONTAN.

+MEREKA BERCAKAP BAHASA INGGERIS DENGAN LEBIH BAIK DARIPADA BAHASA JEPUN...ANDA SENDIRI TAHU BAGAIMANA HENDAK MENGGUNAKAN PELUANG INI.+ -- LAGI

2141MST 22 07 87

D753

U B586 AAB

MAHATHIR - PELABURAN 5 LONDON R R R

(I)

SAMBIL MEMBERITAHU PARA HADIRIN BAHAWA KERAJAAN BRITISH AKAN MEMBANTU MEREKA, BELIAU BERKATA: +LIHALAH PADA BIWATER. IA MENDAPAT SALAH SATU DARIPADA KONTRAK TERBESAR DI MALAYSIA.+

BELIAU JUGA MENGINGATKAN MEREKA BAHAWA MASIH TERDAPAT KIRA-KIRA 100,000 PELAJAR MALAYSIA DI BARAT BERBANDING DENGAN 500 DI JEPUN DAN LEBIH KECIL BILANGANNYA DI KOREA SELATAN.

+KAMI BELUM BERHENTI MEMANDANG KE BARAT,+ KATANYA.

SEBELUM ITU, KETIKA MERUJUK KEPADA DASAR +BUY-BRITISH-LAST+ IAITU DASAR BELI BARANGAN BRITISH HANYA SEBAGAI PILIHAN TERAKHIR, YANG DIAMALKAN OLEH MALAYSIA SEMASA HUBUNGAN MALAYSIA-BRITAIN MENGHADAPI +MASALAH+, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, +SUNGGUHPUN BEGITU KAMI MASIH MENYAMBUK BAIK PELABUR BRITISH.+

+KAMI TELAH LAMA MEMBERHENTIKAN DASAR ITU,+ KATANYA. -- LAGI
2150MST 22 07 87

D782

B B593 AAB

MAHATHIR - PELABURAN 6 LONDON R R R

(I)

MENGENAI SUASANA POLITIK DI MALAYSIA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERCAKAP MENGENAI KEUTUHAN KERAJAAN BARISAN NASIONAL, DASAR-EKONOMI BARU (DEB) DAN PRINSIP ASAS ISLAM.

KATANYA, SEORANG ANGGOTA ROMBONGAN PARLIMEN BRITAIN BARU-BARU INI TERKEJUT APABILA BELIAU MEMBERITAHUNYA TERDAPAT 13 PARTI DALAM GABUNGAN ITU KERANA DI UNITED KINGDOM KEADAANNYA BEGITU RUMIT WALAUPUN UNTUK DUA PARTI BEKERJASAMA SEMASA PILIHAN RAYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA: +INI MENUNJUKKAN SIKAP TOLAK ANSUR KAMI SEHINGGA 13 PARTI DI MALAYSIA BOLEH BEKERJASAMA SELAMA BERTAHUN-TAHUN.

+PERLU DIINGATKAN JIKA ORANG-ORANG MELAYU BENAR-BENAR BERSIKAP PERKAUMAN, SEPERTI MANA DAKWAAN-DAKWAAN TERHADAP MEREKA, MEREKA BOLEH MEMERINTAH NEGARA DENGAN SENDIRI. TETAPI WALAUPUN MEMPUNYAI MAJORITI YANG CUKUP, MEREKA MEMILIH MEMBENTUK KERAJAAN GABUNGAN DENGAN KAUM-KAUM LAIN.

+HASILNYA IALAH SEMUA KAUM MEMPUNYAI PERWAKILAN DALAM KERAJAAN DAN ISU-ISU DI JALAN-JALAN DIBAWA KE BILIK KABINET. IA DAPAT MENGURANGKAN KETEGANGAN DAN PERTELINGKAHAN YANG SERING BERLAKU DI NEGARA-NEGARA PELBAGAI KAUM,+ KATA PERDANA MENTERI.

MENGENAI DEB, BELIAU BERKATA, MEMANDANGKAN KEADAAN KEMELESETAN, KERAJAAN TELAH MENANGGUHKAN PELAKSANAAN PERUNTUKAN TERTENTU, DAN MENAMBAH KATA BAHAWA +AKIBATNYA KAMI TIDAK DAPAT MENCAPAI MATLAMAT DEB MENJELANG 1990. -- LAGI

2240MST 22 07 87

D784

B B594 AAB

MAHATHIR - PELABURAN 7 LONDON R R R

(I)

+TETAPI KAMI LEBIH BERPENGALAMAN SEKARANG,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR DAN MENAMBAH KATA: +KAMI AKAN MENYUSUN MASYARAKAT MALAYSIA DARIPADA SEGI EKONOMI, SOSIAL DAN POLITIK BAGI MENGURANGKAN JURANG PERBEZAAN TANPA MEWUJUDKAN KESAN NEGATIF.+

BELIAU MEMBERI JAMINAN KEPADA PARA PELABUR ASING BAHAWA APA-APA KESULITAN TERHADAP MEREKA AKAN DIATASI.

MENGENAI FUNDAMENTALISME ISLAM, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SESETENGAH ORANG MUNGKIN KELIRU DENGAN MAKSUD FAHAMAN PELAMPAU -- DUA PERKARA YANG TIDAK SAMA. -- BERNAMA

2243MST 22 07 87
